

**ASIA TENGGARA: MEDAN PERCATURAN STRATEGI POLITIK
ANTARA JERMAN DAN NASIONALIS
INDIA vs BRITISH, 1914-1918**

Azharudin Mohamed Dali

PENGENALAN

Tempoh antara 1914 - 1914 dijadikan fokus utama kerana dalam tempoh ini satu hubungan yang erat antara Jerman dan nasionalis India telah terjalin dengan matlamat untuk melemahkan dan menyingkirkan British di India. Selepas 1918, hubungan di antara kedua-dua belah pihak menjadi semakin kendur.

Sehingga sekurang-kurangnya pertengahan kedua abad ke 20, rantau Asia Tenggara secara umumnya, dengan kekecualian diberikan kepada Thailand merupakan rantau yang berada di bawah penjajahan kuasa-kuasa Barat. Bertindak sebagai 'pemegang kuasa,' dominasi kuasa-kuasa Barat dalam perkembangan kawasan-kawasan jajahan mereka sangat ketara. British misalnya sangat intim dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku di Burma (Myanmar), Tanah Melayu, dan Borneo. Belanda pula sangat ketara mempengaruhi perkembangan di Indonesia, Perancis di Indo-China sementara Sepanyol dan Amerika Syarikat di Filipina. Pengaruh kuasa-kuasa Barat ini bukan sahaja begitu besar semasa zaman kebesaran mereka sebagai pemerintah, malah selepas negara-negara tersebut mencapai kemerdekaan sekalipun, pengaruh kuasa-kuasa Barat ini masih kukuh. Antara yang paling ketara ialah sistem pentadbiran yang diamalkan oleh Malaysia misalnya meneruskan tradisi yang ditinggalkan oleh British sementara pengaruh bahasa Belanda begitu besar di Indonesia. Keadaan yang sama juga berlaku terhadap perkembangan di Indochina yang masih 'terikat' dengan Perancis. Setidak-tidaknya, banyak dokumen dan bahan mengenai Indochina berada dalam arkib dan muzium-muzium di Perancis berbanding di negara-negara Eropah yang lain.

Meskipun demikian, sejarah Asia Tenggara zaman penjajahan bukan sahaja menyaksikan permainan kuasa-kuasa besar ini sahaja.¹ Ini kerana selain kuasa-kuasa yang disebutkan, masih terdapat kuasa-kuasa lain yang telah sekian lama turut menjadikan Asia Tenggara sebagai 'kawasan permainan' mereka. Dalam penulisan ini, kuasa-kuasa yang dimaksudkan itu disebut sebagai 'kuasa-kuasa kecil' seperti Belgium, Rusia, Itali, Jerman dan sebagainya. Kuasa-kuasa yang disebutkan sebagai 'kuasa-kuasa kecil' ini sering sahaja dikaitkan dengan sektor ekonomi dan dikatakan sangat minimal sekali kaitannya dengan kepentingan politik Asia Tenggara. Pandangan sebegini kelihatan benar kerana jika dibandingkan dengan kuasa-kuasa besar yang tersenarai itu, maka 'kuasa-kuasa kecil' ini bukanlah 'pemegang kuasa' di mana-mana negara di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, pandangan sebegini haruslah dilihat secara mendalam kerana meskipun kuasa kecil tersebut tidak berjaya menguasai mana-mana kawasan secara de facto di Asia Tenggara, namun

sebenarnya ia membentuk satu ancaman yang besar kepada kuasa-kuasa penjajah yang sedia ada. Seringkali juga dirujuk bahawa kuasa-kuasa seperti Jerman dan Rusia menjadi alasan untuk membolehkan Britain, Perancis dan Belanda memperluaskan dan memantapkan kedudukan mereka di Asia Tenggara. Cubaan Jerman untuk mendapatkan beberapa wilayah di bahagian utara Tanah Melayu terutamanya Langkawi dikatakan sebagai faktor yang menyebabkan British di Tanah Melayu berbaik-baik dengan kerajaan Siam.²

Salah satu 'kuasa-kuasa kecil' yang begitu penting dalam memberi saingan dengan kuasa-kuasa Barat yang sedia ada di rantau Asia Tenggara ialah Jerman. Malahan pada dekad-dekad awal abad ke 20, kedudukan Jerman di Asia Tenggara begitu penting terutamanya jika dilihat dari sudut ekonomi. Kapal-kapal dagang Jerman telahpun menjalankan aktiviti mereka di perairan Asia Tenggara sejak dekad-dekad awal abad ke 19. Antara 1826 hingga 1838, sebanyak 30 buah kapal telah menjalankan aktiviti mereka di pelabuhan Canton, Jawa, Sumatra, Bangkok dan Manila.³ Syarikat-syarikat Jerman seperti Behn Meyer and Co. misalnya telah bertapak kukuh di Singapura.⁴ Syarikat-syarikat Jerman juga berjaya memperolehi kontrak membina jalan keretapi di Thailand. Keupayaan mereka sebagai satu kuasa penting di Asia Tenggara berkait rapat dengan kejayaannya muncul sebagai kuasa penting di Eropah.

Jerman telah muncul sebagai kuasa yang penting di Eropah sejak abad ke 19 lagi.⁵ Kuasa ini telah menunjukkan keinginan yang kuat untuk 'memperluaskan kuasa' mereka di kawasan-kawasan yang difikirkan strategik.⁶ Meskipun kedatangan mereka ke rantau Asia Tenggara telah menjadi begitu berpengaruh, namun kajian serta tulisan-tulisan mengenai kuasa ini masih sangat terhad. Sehingga artikel ini ditulis, penulis hanya sempat melihat sebuah buku mengenai Jerman di Asia Tenggara iaitu Horst Erdmann Verlag (ed.) bertajuk *Southeast Asia and the Germans* yang diterbitkan pada tahun 1977.⁷ Buku ini mengandungi 25 artikel berbagai aspek mengenai pembabitan Jerman di Asia Tenggara. Selain itu, di dalam *The Cambridge History of Southeast Asia*, disebutkan di sana sini mengenai kehadiran serta kedudukan kuasa Jerman di Asia Tenggara. Sekurang-kurangnya, dalam buku ini ada dinyatakan bahawa kuasa Jerman telahpun menaruh minta yang mendalam terhadap Asia Tenggara selewat-lewatnya tahun 1880-an.⁸

Lebih jelas lagi, delegasi Jerman-Austria yang pertama telah tiba ke Thailand pada 22hb November 1861 meskipun hubungan perdagangan antara kedua-dua belah pihak telahpun terjalin beberapa lama sebelum tarikh tersebut.⁹ Lanjutan dari kehadiran delegasi tersebut, satu perjanjian antara Jerman-Thailand telah ditandatangani pada tahun 1862.¹⁰ Berbanding dengan negara-negara lain, kedudukan Jerman adalah lebih erat dan akrab dengan Thailand berasaskan realiti bahawa negara ini tidak berada di bawah mana-mana kuasa penjajahan. Thailand juga menjalankan dasar berbaik-baik dengan semua kuasa bagi mengelakkan dominasi satu kuasa sahaja. Ia secara langsung satu dasar bijak bagi mengekalkan kemerdekaannya. Selain itu, satu kajian menarik di peringkat Doktor Falsafah telah dilakukan oleh Tarek Abd El-Hamid Ahmed Amin mengenai persaingan antara British dan Jerman terutamanya di Semenanjung Malaysia dan Thailand antara tahun 1870

hingga 1909. Kajian ini merupakan sumber terpenting mengenai kedudukan Jerman di Asia Tenggara.¹¹

Jerman kemudiannya telah memainkan peranan penting dalam peristiwa Perang Dunia I. Peperangan yang bermula di Eropah turut membabitkan beberapa negara termasuklah Britain, Russia, Turki dan sebagainya. Peperangan ini turut membabitkan rantau di sebelah timur. Kepentingan-kepentingan strategik milik musuh-musuh Jerman terutamanya British turut menjadi sasaran serangan Jerman. Walau bagaimanapun, potensi serangan itu tidaklah dilakukan secara terus atau secara langsung oleh pihak Jerman. Sebaliknya Jerman berusaha untuk menjalin hubungan dengan pihak-pihak tempatan yang bersikap anti-British. Pihak-pihak inilah yang kemudiannya akan bertindak melakukan peperangan secara terbuka dan diharapkan ia akan membantu melemahkan kedudukan British bukan sahaja di negara yang dijajah tersebut, malah kedudukan British di Eropah secara keseluruhannya. Dalam kesempatan inilah, Jerman akan melancarkan serangan secara besar-besaran dan diharapkan dapat memusnahkan kekuasaan British di Eropah. Di negara-negara yang menjadi milik British pula akan diberikan hak untuk memerintah sendiri. Berasaskan teori sebeginilah, terjalin satu hubungan antara Jerman dan kalangan nasionalis India yang berada di Eropah dan Amerika. Hubungan yang berlaku di Eropah ini kemudiannya turut membabitkan kawasan-kawasan lain sebagai arena merealisasikan idea-idea yang dibangkitkan dalam hubungan tersebut termasuklah rantau Asia Timur yang membabitkan China, Jepun, Asia Tengah seperti Afghanistan serta Asia Tenggara. Kajian ini akan secara khusus melihat hubungan antara Jerman-India serta saingannya dengan British di Asia Tenggara dalam era Perang Dunia I.

PERMULAAN HUBUNGAN JERMAN DAN NASIONALIS INDIA DI EROPAH

Hubungan antara Jerman dengan nasionalis India telah berlaku kesan dari persaingan yang wujud antara Jerman dan British. Hubungan ini bermula sekitar tahun 1912 sebagaimana yang diperkatakan oleh Jeneral Friedrich von Bernhard dalam bukunya, *Germany and the Next War*.¹² Walau bagaimanapun ia tidak menampakkan sesuatu yang benar-benar konkrit sehingga tahun 1914 apabila pihak Jerman secara terbuka menyedari bahawa untuk melemahkan kekuatan British, maka strategi terbaik-terbaik dengan kumpulan-kumpulan yang anti-British hendaklah dilakukan. Selain itu, Jerman juga menyedari bahawa kekuatan British di bahagian timur sebenarnya banyak bertumpu di India. British begitu bergantung misalnya kepada tentera-tentera sepoi untuk mempertahankan wilayah-wilayah jajahannya. Oleh yang demikian, satu usaha yang membabitkan India hendaklah diatur agar kekuatan British berjaya dikurangkan. Jika suatu 'pemberontakan' dari kalangan masyarakat tempatan dapat diatur maka pastinya kalangan tentera sepoi tidak akan di bawa keluar dari India hingga menyebabkan kekuatan tentera British di Eropah sendiri akan terjejas.¹³ Bagi nasionalis India pula, hubungan dengan Jerman menjadi

strategi penting bagi mereka dalam usaha untuk melemahkan dan seterusnya menghalau British keluar dari India.

Sejak awal abad ke 20, gerakan kebangsaan India yakni gerakan yang bertujuan untuk membebaskan India dari tangan British bukan sahaja giat dilakukan secara dalaman tetapi juga melalui kalangan nasionalis yang berada di luar India. Kalangan nasionalis di dalam India berjuang melalui pertubuhan-pertubuhan politik seperti Kongres Kebangsaan India sebagaimana yang ditunjukkan melalui pembabitatan Mahatma Gandhi, Jawaharlal Nehru, Abul Kalam Azad Khan dan sebagainya. Gerakan yang dilakukan dari luar India pula kebanyakannya digerakkan oleh kalangan nasionalis yang menetap di Eropah, Amerika Syarikat dan Kanada. Antara parti yang penting ialah Parti Ghadar serta kalangan revolusionar dari Bengal.¹⁴ Berdasarkan keadaan ini, maka kalangan nasionalis dan revolusionar yang menetap sama ada di Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Jerman dan negara-negara Eropah yang lain dilihat mempunyai ruang yang cukup besar untuk menjalin hubungan dengan pihak-pihak yang bermusuhan dengan British. Permusuhan antara British-Jerman memberi kesempatan kepada kalangan nasionalis India untuk menjalin kerjasama demi kepentingan kedua-dua belah pihak. Berasaskan dari itu, kalangan nasionalis India sama ada bergerak di bawah Parti Ghadar ataupun Berlin Committee¹⁵ telahpun menjalin hubungan erat dengan Jerman. Ibukota Berlin telah menjadi pusat gerakan bagi nasionalis India. Pemimpin-pemimpin nasionalis seperti Har Dayal, Chattopadhyaya dan sebagainya telah mengadakan pertemuan dengan pihak Jerman dan mengemukakan idea-idea yang mampu dimanfaatkan oleh kedua belah pihak. Melalui pertemuan antara Har Dayal dan Konsul Jeneral Jerman pada 3 September 1914, idea untuk memasuki India melalui Afghanistan telah dikemukakan. Har Dayal yang mengemukakan idea ini mengatakan,

"As India is a vast plain and England holds the sea, and the semi-independent Indian states have no modern armies an effective military movement against England can be started only with the help of Afganistan a mountainous country of brave soldiers numbering 5,000,000 who hate England and Russia".¹⁶

Dalam masa yang sama, hubungan antara Jerman dan nasionalis India ini akan berlangsung dalam sekurang-kurangnya tiga fasa iaitu, pertama mengadakan kempen-kempen propaganda bagi menarik perhatian orang India yang ada di Eropah, Amerika Syarikat dan Kanada agar menyertai gerakan ini, kedua, mengangkut dan membekalkan senjata terhadap kalangan nasionalis yang telah kembali ke India dan ketiga mengadakan kebangkitan terbuka di India.¹⁷

Pergerakan ekspedisi ketenteraan melalui Afghanistan ke India merupakan salah satu cadangan dari beberapa cadangan yang cuba dipraktikkan oleh kalangan nasionalis India dan Jerman. Cadangan lain melihat bahawa satu usaha untuk membekalkan senjata serta peralatan peperangan ke India haruslah dilakukan kerana tanpa adanya bekalan dan peralatan ini, adalah sesuatu yang mustahil satu kebangkitan

di India bagi menentang British dapat dilakukan. Cadangan telah dikemukakan agar bekalan senjata dapat dibawa masuk ke India melalui wilayah Yunnan di China sebelum memasuki wilayah timur laut Burma dan memasuki India melalui Assam. Cadangan yang lain pula mengatakan bahawa satu gerakan membekalkan senjata boleh dilakukan melalui rangkaian antara Amerika Syarikat-Asia Tenggara-Bengal.¹⁸ Bermula dari sinilah, rantau Asia Tenggara mula terbabit dalam persaingan antara Jerman-Nasionalis India dan British pada Perang Dunia I.

JERMAN-NASIONALIS INDIA DI ASIA TENGGARA

Kedudukan Jerman di Asia Tenggara pada dekad-dekad awal abad ke 20 berlegar kepada aktiviti perniagaan dan perdagangan. Selain itu, Jerman juga telah mempunyai konsul di Asia Tenggara seperti di Thailand, Pulau Jawa, Singapura dan Manila. Melalui syarikat-syarikat perdagangan dan konsul inilah Jerman berusaha untuk meluaskan pengaruh mereka di Asia Tenggara. Dalam melihat hubungan antara Jerman dan nasionalis India ini misalnya, konsul Jerman turut memainkan peranan yang penting dimana mereka akan memberikan bantuan-bantuan tertentu yang diperlukan oleh kalangan nasionalis India. Selain itu, satu hubungan yang erat antara perwakilan Jerman di Asia Tenggara dan Asia Timur terutama di China dan Jepun telah dijalin. Malahan Konsul Jeneral Jerman di Shanghai iaitu Dr. Knipping telah diberi kuasa untuk mengawal seluruh aktiviti yang membabitkan gerakan antara Jerman-India di seluruh Asia Timur dan Asia Tenggara. Laporan dari Pejabat Perang (War Office) misalnya mengatakan, "...the German Consul-General [in Shanghai], Dr. Knipping is providing out of government funds the expenses for such said expeditions [to rise against the British government]".¹⁹ Jika diperhatikan kedudukan Jerman di negara-negara dan wilayah yang dianggap sebagai 'neutral' sangat kuat berbanding negara yang dijajah oleh British.²⁰ Oleh yang demikian tidak hairanlah jika pejabat konsul Jerman di Bangkok dan Batavia (Betawi) mampu menjadi pusat gerakan Jerman yang penting. Kedua-dua pusat ini juga dijadikan sebagai 'forward bases' dalam semua perancangan yang dilakukan.²¹

Komuniti Jerman di Thailand agak kecil jumlahnya. Sebahagian dari mereka terdiri dari kakitangan konsul Jerman, petugas-petugas beberapa syarikat perdagangan Jerman serta jurutera-jurutera yang terbabit dengan pembinaan landasan keretapi di Thailand. Antara 1892 hingga 1917, kerajaan Thailand telah melaksanakan satu projek pembinaan landasan keretapi merentasi bahagian utara dan selatan negara tersebut. Secara umumnya, jurutera-jurutera Jerman terbabit secara langsung dalam projek ini seperti Karl Bethge, Herman Gehrts dan Luis Weiler.²²

Pada era Perang Dunia Pertama, jurutera-jurutera Jerman dalam projek pembinaan landasan keretapi ini telah membabitkan diri secara langsung dalam plot Indo-Jerman di Thailand. Jurutera Jerman bernama Eisenhofen yang bertugas dengan *Siamese Nothern Line* mempunyai hubungan yang sangat erat dengan kalangan nasionalis India yang bertugas sebagai pekerja dengan projek tersebut. Malah Eisenhofen dikatakan orang yang bertanggung jawab terhadap 'kehilangan' bahan-

bahan letupan yang sepatutnya digunakan untuk projek pembinaan.²³ Keadaan ini berbeza dengan Indonesia yang memperlihatkan jumlah komuniti Jerman yang agak besar sekitar 600 orang dengan diketuai oleh Emil dan Theodore Hellferich.²⁴ Berdasarkan keadaan ini, maka tidaklah mengejutkan sekiranya Thailand dan Indonesia menjadi pusat-pusat penting dalam strategi-strategi politik dalam plot Indo-Jerman ini.

Hubungan antara Jerman dan nasionalis India yang telah berlangsung di Eropah direalisasikan di Asia Tenggara. Hal ini dapat dilakukan kerana adanya sejumlah masyarakat India di Asia Tenggara terutama dari kalangan yang berasal dari bahagian utara. Ini kerana masyarakat India yang berasal dari bahagian selatan dikatakan sangat sukar membabitkan diri dalam gerakan-gerakan politik terutama yang menyentuh kedudukan British.²⁵ Peristiwa yang menggemparkan Singapura pada tahun 1915 iaitu peristiwa 'Mutiny' oleh tentera-tentera Sepoi yang berpangkalan di pulau tersebut misalnya turut dikaitkan dengan gerakan Indo-Jerman ini. Ini dibuktikan dengan usaha membebaskan tahanan-tahanan rakyat Jerman dan Austria dari penjara di Singapura. Seramai 17 orang warga Jerman telah dibebaskan dimana enam daripadanya telah ditangkap.²⁶ Pembabitian Jerman dalam peristiwa ini juga tidak dapat ditolak begitu sahaja. Laporan dari sumber perisikan British misalnya mengatakan bahawa terdapat penegasan oleh kalangan nasionalis bahawa kapal perang Jerman akan datang ke Singapura bagi menjayakan mutini tersebut.²⁷

Sejak tahun 1914, Parti Ghadar yang berpusat di San Francisco telah menghantar agen-agen mereka ke Asia Tenggara. Misi ini bukan sahaja bertujuan untuk mengembangkan idea parti namun dalam masa yang sama untuk merekrut seberapa ramai kalangan masyarakat India di Asia Tenggara untuk berjuang bagi membebaskan India dari tangan British. Selain itu, agen-agen ini juga berharap agar dapat mengumpulkan maklumat mengenai kedudukan Asia Tenggara sendiri sebagai satu laluan utama kepulauan nasionalis-nasionalis dari luar negara ke India. Dalam menjayakan matlamat mereka inilah, bantuan dari konsul-konsul Jerman di Bangkok, Batavia dan Manila serta kalangan pengusaha Jerman di Singapura diperlukan.

Hubungan antara kedua belah pihak telah melahirkan beberapa program yang akan dijayakan secara bersama. Antara program yang paling penting ialah untuk mengatur penghantaran senjata ke India, dari Amerika Syarikat melalui Asia Tenggara. Kedudukan Asia Tenggara yang sangat strategik menjadikannya sebagai pilihan terbaik untuk merealisasikan program ini. Pihak Jerman telah bersetuju untuk membekalkan senjata kepada kalangan nasionalis India. Rancangan ini dimulakan di Amerika Syarikat pada Oktober 1914 dimana satu usaha telah dilakukan agar senjata-senjata seperti rifles Springfield sebanyak 8,080 pucuk, carbines Springfield berjumlah 2,400, rifles jenis Hotchkiss sebanyak 410, bekas peluru sejumlah 4,000,000, talipinggang untuk meletakkan peluru sebanyak 5,000, pistol revolver Colt berjumlah 500 bersama 100,000 dan pistol jenis Mauser sebanyak 250 pucuk yang lengkap dengan peluru dikumpulkan dan akan dihantar ke India.²⁸ Program penghantaran inilah yang sangat dikenali dalam sejarah sebagai 'skema Annie Larsen' atau 'skema Maverick'. Setelah skema ini mengalami kegagalan, terdapat beberapa usaha lain

termasuklah yang dilakukan oleh kapal Henry S pada tahun bulan Julai 1915.²⁹

Hubungan antara Jerman dan nasionalis India bukan sahaja setakat mengadakan satu program untuk membekal dan mengangkut senjata atau saling membantu kepulauan nasionalis ke India sahaja, malah ia turut dikaitkan dengan mengadakan latihan menggunakan senjata dan teknik-teknik peperangan. Agen-agen Jerman bertanggungjawab melatih kalangan nasionalis yang dalam perjalanan balik ke India di kawasan-kawasan sulit di Asia Tenggara terutama di sempadan antara Thailand dan Myanmar. Di Paknampho misalnya, seramai enam orang pegawai tentera Jerman telah melatih nasionalis India menggunakan senjata dan membuat bom. Selain itu, seramai tiga orang pegawai tentera Jerman iaitu George Paul Boehm, Henry Schults @ Sterneck and Albert Wehde juga telah dihantar ke Thailand untuk tujuan yang sama.³⁰ Pada bulan September 1915, seorang pegawai tentera Jerman, von Mouch telah tiba di Bangkok dengan misi utama memberi latihan kepada kalangan nasionalis India.³¹ Konsul Jerman di Bangkok iaitu Dr. von Remy juga bertanggungjawab dalam usaha menubuhkan satu pusat gerakan di sempadan antara Thailand dan Burma bagi memudahkan laluan nasionalis India untuk memasuki India. Pusat gerakan ini juga dijadikan sebagai pusat latihan terutama bagi kalangan nasionalis yang memasuki Thailand dari China.³² Kaedah membuat bom juga diajar kepada kalangan nasionalis hingga membolehkan seorang nasionalis iaitu Thakur Singh berupaya membekalkan sejumlah bom untuk dibawa oleh kalangan nasionalis memasuki India.³³ Aktiviti inilah yang sebenarnya sangat merisaukan British hingga akhirnya 'memaksa' kerajaan Thailand untuk mengambil tindakan terhadap anggota-anggota gerakan ini.

Selain itu, pihak Jerman dan nasionalis India juga telah merangka satu rancangan untuk menawan Pulau Andaman yang pada waktu itu dijadikan sebagai 'pulau tahanan' oleh British. Jika rancangan ini berjaya, tahanan-tahanan yang kebanyakannya merupakan tahanan politik ini akan diorganisasikan menjadi satu pasukan penggempur sewaktu serangan ke atas India di lakukan. Pada 4 May 1915, pihak Jerman melalui *Auswartiges Amt* (Jabatan Peperangan) telah bersetuju dengan pelan dasarnya yang disediakan oleh seorang bekas tentera sukerela berbangsa Jerman, Vincent Kraft.³⁴

Kisah mengenai usaha menawan Pulau Andaman ini menjadi semakin menarik apabila didapati Vincent Kraft mempunyai agenda dan maksudnya sendiri. Selain menjadi agen Jerman, Vincent Kraft juga menjadi agen British. Apabila tiba di Medan pada bulan Julai 1915, beliau telah membuat hubungan langsung dengan British Konsul dan secara 'sengaja' meminta dirinya ditangkap di Singapura. Beliau juga mendedahkan bahawa beberapa ratus orang Jerman yang berada di pulau-pulau Indonesia akan membabitkan diri dalam rancangan ini termasuklah von Muller seorang bekas pegawai tentera laut Jerman yang dikatakan akan mengetuai rancangan ini, Dr. Gehrman, seorang pegawai kolonial dari New Guinea, Diehn dan Jessen, dua orang Jerman yang berjaya melarikan diri dari tahanan di Singapura sewaktu peristiwa Dahagi pada bulan Februari 1915.³⁵

Menurut perancangannya, agen yang menyamar sebagai pedagang akan

dihantar ke Andaman dan dipertanggung jawabkan untuk memutuskan segala bentuk hubungan terutamanya stesen telegraf di pulau tersebut. Selanjutnya, kalangan nasionalis India yang lengkap bersenjata akan belayar ke Andaman dari Sabang dengan menaiki kapal SS Scandia dan SS Malaya³⁶ dan akan singgah di pulau Tillanchang di Nicobar³⁷ sebelum terus ke Andaman.³⁸ Vincent Kraft kemudiannya ke Shanghai sebagai agen British tanpa disedari oleh pihak Jerman di Shanghai yang masih meneruskan agenda untuk menawan Andaman. Bagi menjayakan rancangan ini, satu penghantaran senjata dari Shanghai akan dilakukan. Maklumat ini kemudiannya diserahkan oleh Vincent Kraft kepada British hingga akhirnya rancangan mengenai usaha penawanan Andaman gagal dilaksanakan. Meskipun demikian, pihak British masih terus menjalankan langkah berjaga-jaga apabila mengawal kawasan perairan di sekitar Bengal dan Andaman dengan ketat. Ini termasuklah penghantaran kapal cruiser Cadmus dari Pulau Pinang.³⁹

TINDAK BALAS BRITISH

Gabungan antara Jerman dan nasionalis India ini telah menjadi satu cabaran yang sangat besar kepada British. Cabaran ini berdasarkan realiti bahawa gerakan untuk melemahkan serta menghalau keluar British dari India ini membabitkan bukan sahaja nasionalis India dan Jerman sahaja malah ia menjadi rumit apabila membabitkan satu ruang yang luas yang menganjur dari Eropah, Amerika Utara, Asia Timur dan Asia Tenggara. Berdasarkan ruanglingkup geografi yang luas ini, maka tidak syak lagi ia merupakan satu gerakan politik terancang yang tidak pernah berlaku sebelumnya dalam sejarah persaingan kuasa-kuasa politik di dunia. British turut melihat bahawa hubungan antara Jerman dan nasionalis India ini merupakan satu hubungan yang serius dan mampu mengancam kedudukan mereka. Keseriusan Jerman dalam menjayakan rancangan ini dapat dikesan oleh British melalui peruntukan kewangan yang besar kepada nasionalis India yang dianggarkan oleh mereka berjumlah 500 juta marks.⁴⁰ Oleh yang demikian, British telah mengambil langkah yang rapi dan tersusun dalam usahanya untuk membentaras gabungan politik ini. Segala usaha diarahkan untuk memastikan rancangan-rancangan yang diusahakan oleh gabungan Jerman dan nasionalis India ini terutamanya perbekalan senjata agar tidak memasuki India. Antara tindak balas pertama ialah memastikan agar kerajaan-kerajaan yang kawasan mereka dijadikan sebagai pusat gerakan seperti Amerika Syarikat, Thailand, dan Belanda di Indonesia agar memberikan sokongan dan bantuan kepada British. Selain itu, satu pusat strategik telah ditubuhkan bagi memantau gerakan ini yang membabitkan berbagai jabatan seperti Pejabat Perang, Pejabat Tanah Jabatan Perisikan sama ada di London, New Delhi, Singapura, Bangkok, Shanghai dan sebagainya.

Desakan dari kerajaan British terhadap pihak berkuasa Amerika Syarikat dilihat membawa kepada berlakunya apa yang dikenali dalam sejarah sebagai 'San Francisco Trial' yang melibatkan kalangan nasionalis India dan beberapa orang Jerman yang terbabit dalam menjayakan gerakan anti-British di Amerika Syarikat

ditahan dan dibicarakan. Peristiwa ini telah secara langsung melemahkan gerakan Indo-Jerman ini.⁴¹

Perisikan British juga mendapati bahawa rantau Asia Tenggara telah dijadikan laluan utama bagi pihak Jerman dan nasionalis India untuk menjayakan rancangan mereka. Oleh yang demikian, bagi memastikan agar rancangan ini gagal, maka British haruslah 'menutup rantau' ini dari sebarang ancaman. Bagi mengatasi arus kemasukan kalangan nasionalis India dari Thailand, satu desakan telah dilakukan secara resmi oleh British terhadap kerajaan Thailand. British mendesak agar pihak berkuasa Thailand bertindak terhadap kalangan nasionalis India ini. Selain itu, British juga mendesak agar warganegara Jerman yang ada di Thailand hendaklah dilarang dari menjadikan negara tersebut sebagai pusat bagi gerakan tersebut. Herbert Derring yang menjadi konsul British di Bangkok telah menemui Putera Devawongse pada 21 Julai 1915 dan mendesak agar Thailand dapat menahan kalangan nasionalis India. Bertindak dari hubungan ini, maka polis Thailand telah menangkap 6 orang nasionalis pada bulan Ogos 1915 dan jumlah ini meningkat kepada 50 orang pada bulan berikutnya.⁴² Antara yang ditahan oleh pihak berkuasa Thailand ialah Johd Singh Mahajan, Shiv Dayal Kapoor, Thakur Singh dan Balwant Singh. Kesemua yang ditahan telah dihantar ke Singapura untuk ditahan dan dibicarakan.⁴³ Dalam masa yang sama, W.R.D Beckett, Konsul Jeneral British di Batavia telah menerima akuan dari Gabnor Jeneral Belanda untuk tidak membenarkan sebarang aktiviti Indo-Jerman dilakukan di wilayah kekuasaannya.⁴⁴

Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Belanda di Indonesia dan kerajaan Thailand ini telah menjadi penghalang kepada sebarang rancangan gerakan Indo-Jerman dilaksanakan. Ia telah secara langsung melemahkan gerakan ini. Gerakan Indo-Jerman semakin lemah apabila Sing Kwie, orang utusan E. Helfferich di tangkap di Singapura sewaktu dalam perjalanan ke Calcutta pada 23 Oktober 1915 bersama dengan sejumlah wang yang dikatakan akan dibayar kepada pasukan tentera India yang berpusat di Calcutta bagi menjayakan kebangkitan tentera yang dirancangan serentak dengan usaha penawanan pulau Andaman.⁴⁵

Walau bagaimanapun, tindak balas British yang paling berkesan dalam membendung ancaman yang ditimbulkan oleh Jerman dan nasionalis India ini ialah melalui tindakan perisikan. Sehingga penghujung tahun 1915, Jabatan Inteligen British menegaskan bahawa, bagi menghalang ancaman Jerman dan nasionalis India ini, maka kekuatan dan perhatian mereka haruslah diberikan kepada India sendiri. Selain itu terdapat tanggapan bahawa agen-agen perisikan British sangat sukar diterima di negara-negara Japen, China, Thailand dan Indonesia yang berada di bawah kekuasaan Belanda. Malah sejak tahun 1914 lagi mereka telah berjaya mengawal kemasukan kalangan nasionalis yang kembali ke India dari luar negeri. Walau bagaimanapun, dasar 'pertahanan dalaman' yang dilaksanakan oleh Jabatan Perisikan ini tidak bertahan lama dan kini perhatian diberikan kepada usaha mengekang gerakan dari luar sebelum ia sampai ke India. British juga telah menjadikan Singapura sebagai pusat bagi gerakan perisikan mereka, bukan sahaja untuk rantau Asia Tenggara tetapi juga melibatkan wilayah Asia Timur. Pusat ini bukan sahaja bertindak sebagai

pusat operasi perisikan, tetapi juga sebagai pusat ketenteraan dan ibu pejabat bagi tentera laut bagi rantau Asia. Major Jeneral Dudley Ridout merupakan pegawai operasi pusat ini.⁴⁶

Perisikan British ini sangat penting dalam usaha British memecahkan rancangan yang ingin dilaksanakan oleh musuh mereka. Namun begitu dalam tahap awal, usaha ini didapati tidak efektif. Misalnya pada bulan Ogos 1915, Dudley Ridout telah menghantar agen berbangsa Austria-British dan agen Amerika ke Filipina. Namun demikian usaha untuk mengumpulkan maklumat gagal kerana beliau tidak mampu memahami bahasa yang dituturkan oleh masyarakat India di Manila. Usaha beliau di Batavia juga tidak banyak membawa kejayaan. Melalui cadangan yang dikemukakan oleh Konsul Jeneral British di Batavia iaitu W.R.D Beckett, seorang Belanda, Nederveen Meerkerk telah diambil sebagai perisik. Walau bagaimanapun, Nederveen Meerkerk didapati tidak sesuai kemudiannya.⁴⁷ Kelemahan-kelemahan ini didapati mengganggu usaha perisikan dalam mengumpulkan maklumat. Oleh yang demikian, Dudley Ridout telah meminta agar beberapa agen yang berkualiti tinggi dihantar membantu beliau di Singapura. Beliau mendesak agar Deputy Supritenden, Hector Kothavala yang bertugas di Bombay dihantar ke Singapura. Dengan adanya Hector Kothavala di Singapura, usaha untuk mengumpulkan maklumat lebih berkesan terutama peranan yang dimainkannya untuk menarik seorang agen Jerman, Vincent Kraft agar bertugas sebagai agen British.⁴⁸

Selain itu, atas desakan Dudley Ridout juga maka, David Petrie telah dihantar ke Bangkok bagi membantu Konsul jeneral British, H.G Derring. Petrie merupakan agen khas yang dihantar oleh Jabatan Perisikan British bagi mengatasi masalah konspirasi Indo-Jerman ini. Pada bulan Februari 1916, beliau telah menghantar plan kepada Kerajaan India agar menubuhkan agensi perisikan secara tetap di timur dengan alasan bahawa pusat di Landon tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana kedudukannya yang jauh. David Petrie kemudiannya mencadangkan agar pusat bagi mengekang gerakan Indo-Jerman hendaklah diwujudkan sama ada di China atau Jepun. Singapura dirasakan kurang sesuai kerana agen-agen perisikan perlu mengambil masa selama 3 hari untuk sampai ke Bangkok, 10-12 hari untuk sampai ke Hong Kong dan lebih dari 14 hari untuk tiba ke Jepun. Jangkamasa ini dikatakan sangat lambat dan harus diubah. Shanghai kemudiannya dipilih sebagai pusat bagi menyelesaikan masalah plot Indo-Jerman ini.⁴⁹ Peranan Singapura sebagai pusat pengumpulan maklumat dan gerakan perisikan bagi rantau Asia Tenggara masih diteruskan terutama yang membabitkan wilayah Indonesia dan Thailand.

KESIMPULAN

Rantau Asia Tenggara telah menjadi satu medan percaturan strategik perisikan dan politik yang penting pada era Perang Dunia Pertama membabitkan pihak British dan gabungan antara Jerman dan nasionalis India. Gabungan yang bermula di Eropah telah menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai salah satu dari program utama mereka iaitu untuk menghantar senjata ke India, sebagai laluan

kalangan nasionalis India dari Amerika Syarikat dan Kanada, untuk melatih kalangan nasionalis India menggunakan senjata serta membuat bom dan seterusnya menggerakkan satu usaha penentangan secara terbuka di India.

Untuk menjayakan segala matlamat ini, komuniti Jerman di Asia Tenggara melalui pejabat konsul di Manila, Batavia dan Bangkok telah bertindak sebagai pusat bagi gerakan yang dikenali sebagai 'Indo-German Plot' ini. Pihak British yang menyedari ancaman ini telah bertindak secara bijak untuk 'menutup' rantau ini dari sebarang aktiviti anti-British. Pusat gerakan anti-British di Singapura telah dikemaskini dan dilengkapi dengan segala kelengkapan terutamanya tenaga pakar termasuklah Hector Kothavala. Selain itu, British juga menggunakan tekanan politik terhadap Thailand dan Belanda di Indonesia agar tidak membenarkan sebarang aktiviti anti-British dijalankan di wilayah mereka.

Gabungan antara kebijaksanaan strategi dan tekanan politik ini membantu British mempertahankan sebarang usaha gabungan Jerman dan nasionalis India dari mencapai matlamat mereka. Akhirnya gerakan ini lemah dan seterusnya berakhir apabila Perang Dunia Pertama tamat. Tinjauan yang dilakukan terhadap perkara ini secara jelas memperlihatkan kebijaksanaan strategi perisikan British serta keupayaan mereka melalui tekanan politik bagi menjamin kedudukan mereka bukan sahaja di India terus kekal malah rantau Asia Tenggara yang menjadi laluan kegiatan anti-British dapat dibersihkan.

NOTAAKHIR

1 Kuasa-kuasa besar yang dimaksudkan di sini ialah kuasa-kuasa Barat yang menjadi kuasa penjajah di negara-negara Asia Tenggara iaitu Britain, Perancis, Belanda, Sepanyol dan Amerika Syarikat. Selain itu, Jepun dimasukkan juga dalam senarai ini kerana kemampuan mereka menguasai sebahagian Asia Tenggara pada zaman Perang Dunia Kedua.

2 Kajian terbaik mengenai perihal ini, lihat Tarek Abd El-Hamid Ahmed Amin, *Anglo-German Rivalry in the Malay Peninsula and Siam, 1870-1909*, Disertasi, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1995 terutamanya Part 1, Bab 4. Selain itu, lihat juga Alfred P. Rubin, *Piracy, Paramountcy and Protectorates*, University Malaya Press, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 100.

3 Sharon Siddique, "Early German Commercial Relations to Singapore", dalam Horst Erdmann Verlag (ed.), *Southeast Asia and the Germans*, Internationalen Kulturaustausch, Tubingen and Basel, Augsburg, 1977, hlm. 166. Sejak dari itu terdapat usaha untuk terus menjadikan kawasan timur sebagai kawasan perdagangan utama. Antara firma awal yang menjalankan aktiviti ini ialah Parish and Co., Berenberg, Gossler and Co., Lutteroth and Co., H.J Merck and Co., L. Furst and Co., J.C Godeffroy and Son dan Ross and Co. Singapura menjadi perhatian firma-firma ini kerana usaha yang dilakukan oleh Francis Raffles dengan dasar 'free port' membolehkan aktiviti perdagangan dijalankan dengan bebas.

4 Syarikat Behn, Meyer and Co. of Singapore telah ditubuhkan pada 1 November 1840 oleh T.A Behn dan Valentin Lorenz Meyer. Syarikat ini telah menjadi sebuah syarikat besar di rantau Asia Tenggara. Antara 1891 hingga 1914, sebanyak 12 buah cawangan syarikat Behn, Meyer and Co. telah ditubuhkan meliputi Pulau Pinang pada tahun 1891, Manila pada tahun

1900, Sandakan pada 1901, Cebu, Zamboanga dan Ilo Ilo di Filipina pada 1906, Bangkok pada 1907, Batavia, Surabaya, Telok Betong, Semarang di Indonesia pada 1908 dan Rangoon di Burma pada 1914. Sehingga tahun 1913, syarikat ini telah menjadi antara syarikat perkapalan yang terbesar di Singapura. Lihat *Ibid*, hlm. 170-175.

5 Keupayaan Jerman untuk muncul sebagai sebuah kuasa yang penting di Eropah dikaitkan dengan kemunculan dan peranan Bismark untuk menyatukan Jerman. Untuk keterangan lanjut, lihat, Qasim Ahmad, *Eropah Moden : Arus Sosiopolitik dan Pemerintahan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985 terutamanya bab ke 4 dan 7. Perbincangan yang menarik mengenai kemunculan Jerman sebagai sebuah kuasa Eropah yang penting juga dibincangkan oleh Paul Kennedy dalam bukunya *The Rise and Fall of the Great Powers* yang terbit pertama kali pada tahun 1988. Buku ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia oleh Mohd Nor Long, Mohamed Diah Isa dan Abdul Razak Ator, *Kebangkitan dan Kejatuhan Kuasa-Kuasa Besar*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994.

6 Keinginan untuk memperluaskan kuasa di sini bermaksud memperluaskan kepentingan-kepentingan ekonomi. Ini kerana sehingga penghujung abad ke 19, Jerman dikatakan telah mengamalkan 'anti-colonial policy' bagi mengelakkan pertentangan dengan kuasa-kuasa Eropah yang lain. Terdapat kalangan strategis dan ahli-ahli politik yang melihat bahawa dasar kolonial akan membebaskan Jerman. Lihat Tarek Abd El-Hamid Ahmed Amin, *Anglo-German Rivalry in the Malay Peninsula and Siam, 1870-1909*, hlm. 43.

7 Horst Erdmann Verlag (ed.), *Southeast Asia and the Germans*, Internationalen Kulturaustausch, Tubingen und Basel, Augsburg, 1977.

8 Lihat Nicholas Tarling (ed.), *The Cambridge History of Southeast Asia*, Vol. 2, Cambridge University Press, Cambridge, 1994 (Reprint), hlm. 21.

9 Klaus Wenk, "The Relations Between Germany and Thailand", dlm. Horst Erdmann Verlag (ed.), *Southeast Asia and the Germans*, hlm. 145.

10 Tarek Abd El-Hamid Ahmed Amin, *Anglo-German Rivalry in the Malay Peninsula and the Siam*, hlm. 99.

11 *Ibid*. Sehingga setakat ini, kajian ini merupakan satu-satunya kajian mengenai pembabitan Jerman di Tanah Melayu dan Thailand yang dilakukan secara mendalam. Ia menjadi sangat penting kerana sumber-sumber yang digunakan adalah dari sumber Jerman, sumber yang sangat jarang digunakan oleh pengkaji tempatan kerana masalah bahasa.

12 Thomas G. Fraser, "Germany and Indian Revolution, 1914-1918", dlm. *Journal of Contemporary History*, No. 12, 1977, hlm. 256. Dari sudut yang lain, hubungan antara India dan Jerman sebenarnya dikatakan telah berlangsung sangat lama terutamanya apabila idea mengenai bangsa Aryan atau 'Indo-Germanic' dikemukakan. Lihat perbincangan mengenai perkara ini dalam Walter Leifer, *Indian and the Germans, 500 Years of Indo-German Contacts*, Shakuntala Pub. House, Bombay, 1971.

13 Nirode K. Barooh, "Har Dayal and the German Connection", dlm. *The Indian Historical Review*, Indian Council of Historical Research, July 1980-January 1981, Vol. VII, No 1-2, hlm. 186.

14 Parti Ghadar merupakan antara parti politik penting yang secara terbuka menjalankan aktiviti anti-British dengan tujuan menghalau British keluar dari India. Kalangan revolusioner dari Bengal telahpun bertindak secara militan terhadap British sejak awal abad ke-20. Antara pertubuhan yang penting ialah Anushilan Samiti yang antara lain dipimpin oleh Braindra Kumar Ghose, Upendranath Banerjee, Ullaskar Dutta dan sebagainya. Pertubuhan ini dikatakan bertanggungjawab mengebom kepentingan-kepentingan British di India seperti peristiwa pada bulan April 1908 apabila sebutir bom dilontar kepada Dato Bandar

Chandernagore, pada 30hb April 1908 pula letupan bom telah membunuh dua orang wanita kulit putih. Lihat Dalia Ray, *The Bengal Revolutionaries and Freedom Movement*, Cosmo Publications, New Delhi, 1990, hlm. 16.

15 Berlin Committee telah diwujudkan oleh Max von Oppenheim iaitu seorang pakar wilayah timur terutama kerana hubungannya dengan kalangan Pan-Islamism. Beliau telah menjalin hubungan dengan golongan nasionalis India yang berada di Jerman dan negara-negara Eropah.

16 Nirode K. Baroo, "Har Dayal and the German Connection", hlm. 187.

17 Don Dignan, *The Indian Revolutionary Problem in British Diplomacy, 1914-1919*, Allied Pub., New Delhi, 1983, hlm. 52.

18 Azharudin Mohamed Dali, "Asia Tenggara Dalam Arus Gerakan Kebangsaan India: Gerakan Ghadar, 1914-1918", dlm. *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, No. 6, 1998, hlm. 59.

19 Lihat C.O 273/450, War Office to Colonial Office, 20 July 1916, encl. GOC, Singapore to War Office, 24 May 1916.

20 Sikap 'neutral' yang ditunjukkan oleh Belanda di Indonesia, Thailand dan Amerika Syarikat yang menguasai Filipina dijadikan sebagai satu senjata oleh Jerman dan nasionalis India untuk menjadikan beberapa kawasan di wilayah tersebut sebagai pusat bagi menjayakan gerakan ini. Walau bagaimanapun, atas desakan British sikap neutral kuasa-kuasa ini telah berakhir. Amerika Syarikat melalui deklarasi peperangan yang diisytiharkan oleh Presiden Wilson pada 2 hb April 1917 telah secara langsung tidak membenarkan Amerika Syarikat sebagai pusat gerakan penentangan terhadap British. Malahan beberapa pemimpin India termasuklah Ram Chandra dan 12 yang lain telah ditangkap. Franz Bopp iaitu Konsul Jerman di San Francisco juga telah ditahan. Selain itu, pada 7hb Julai 1917, seramai 105 orang India telah didakwa atas kesalahan 'violating the neutrality of the United States'. Lihat Kalyan Kumar Banerjee, "The Indo-German Conspiracy: The Sequel", dlm. *The Modern Review*, February 1967, hlm. 99.

21 Thomas G. Fraser, "Germany and Indian Revolution, 1914-1918", hlm. 26.

22 Lihat Clemens Weiler, "The Germans and Thailand's First Railways", dlm. Horst Erdmann Verlag (ed.), *Southeast Asia and the Germans*, hlm. 200-213.

23 C.O 273/431, "Mr. Beckett, Batavia to Secretary to the Indian Government", 16 July 1915.

24 Thomas G. Fraser, "Germany and Indian Revolution, 1914-1918", hlm. 260.

25 Lihat F.O 628/32, "Dudley Ridout GCO, Singapore to War Office, encl. Statement by Vincent Kraft", 8th August 1915. Antara ungkapan yang dinyatakan dalam sumber ini ialah, "Indian revolutionary committees had practically given up all ideas of doing anything in southern India as they have been informed that the people of these provinces are not suitable for revolutionary purpose". Idea yang wujud sejak di India ini turut dibawa ke Tanah Melayu dan rantau Asia Tenggara yang lain. Mereka yang datang dari selatan India juga dikatakan telah berjaya menunjukkan perkhidmatan yang sangat memuaskan kepada British serta tidak agresif berbanding mereka yang datang dari bahagian utara. Lihat juga Azharudin Mohamed Dali, "Masyarakat India dan Gerakan Politik di Tanah Melayu, Tahun 1910-1920-an Dengan Tumpuan Kepada Masyarakat Sikh", dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah, Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 28, 2000*, hlm. 65.

26 Khoo Kay Kim, "The Beginning of Political Extremism in Malaya 1915-1935", Disertasi,

Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 15.

27 Laporan badan perisikan British antara lain mengatakan, "...Nur Alam Shah held court and preached the rankest of sedition against the government and everything British, and invited Sepoys to rise against the British, telling them that a German warship was about to arrive at Singapore". Catatan ini dibuat pada ceramah yang diberikan oleh Nur Alam Shah, seorang dari kalangan nasionalis India yang anti-British di Masjid Kampung Jawa. Lihat *Ibid.*, hlm. 21.

28 Thomas G. Fraser, "Germany and Indian Revolution, 1914-1918", hlm. 261.

29 Rancangan ini dikenali sebagai 'skema Annie Larsen' atau 'skema Maverick' kerana kedua-dua kapal inilah yang dirancang untuk mengangkut senjata dari Amerika Syarikat ke India melalui Asia Tenggara. Namun demikian kerana masalah-masalah termasuklah masalah komunikasi dan sebagainya maka rancangan ini telah gagal. Lihat *Ibid.*, hlm. 261-263. Penggunaan kapal Henry S sebagai kapal pengangkut senjata dikendalikan oleh dua orang Jerman-Amerika iaitu Albert Wehde dan George Boehm dari Filipina, Rancangan ini gagal apabila pihak kastam Filipina telah melakukan pemeriksaan ke atas kapal ini dan menyebabkan urusan mengangkut senjata juga mengalami kegagalan. Lihat Azharudin Mohamed Dali, "Asia Tenggara Dalam Arus Gerakan Kebangsaan India : Gerakan Ghadar, 1914-1918", hlm. 67-70.

30 T.R Sareen, *Indian Revolutionary Movement Abroad*, Sterling Pub., New Delhi, 1979, hlm. 139.

31 F.O 628/32, "H.G Derring, Bangkok to Secretary to the Government of India", 13 April 1915. Lihat juga T.R Sareen, *Indian Revolutionary Movement Abroad*, hlm. 138-139.

32 Thomas G. Fraser, "Germany and Indian Revolution, 1914-1918", hlm. 267.

33 F.O 628/32, "H.G Derring, Bangkok to the Government of India", 13 April 1915.

34 Vincent Kraft merupakan peladang berbangsa Jerman di Pulau Jawa yang juga bekas tentera sukarela Jerman. Beliau mengalami kecederaan sewaktu bertugas di Perancis. Lihat Thomas G. Fraser, "Germany and Indian Revolution, 1914-1918", hlm. 265. Lihat juga Richard J. Popplewell, *Intelligence and Imperial Defence*, Frank Cass, London, 1995, hlm. 263-264.

35 Terdapat kenyataan yang menyatakan bahawa Vincent Kraft hanya menjadi 'double agent' sewaktu ditangkap oleh British di Singapura, beliau dibayar sebanyak 2 pound sehari sehingga perang berakhir. Lihat *Ibid.*

36 F.O 628/32, "Dudley Ridout, GCO, Singapore to H.G Derring, Bangkok", 23rd September 1915.

37 F.O 115/2067, "Foreign Office to British Consulate-General, Washington, encl. Note on German-Indian plots for the supply of arms to Indian Revolutionaries", 7th June 1916.

38 Don Dignan, *The Indian Revolutionary Problem in British Diplomacy, 1914-1919*, hlm. 136. Rancangan untuk menawan pulau ini dikatakan tidak dapat direalisasikan kerana dua sebab, pertama, kerana pihak British telahpun mengetahui rancangan ini apabila Vincent Kraft 'ditahan' di Singapura dan kedua, kerana pihak Berlin Committee enggan meluluskan rancangan ini selagi penghantaran senjata ke India tidak berjaya.

39 C.O 273/432, "Mr. Beckett, Batavia to Dudley Ridout, GCO, Singapore", 5th August 1915.

40 Don Dignan, *The Indian Revolutionary Problem in British Diplomacy, 1914-1919*,

hlm. 19.

41 Lihat tulisan-tulisan Kalyan Kumar Banerjee, "The Indo-German Conspiracy: Declining Phase", dlm. **The Modern Review**, Vol. CXIX, No.1, January 1966, "The Indo-German Conspiracy : Beginning of the End", dlm. **The Modern Review**, Vol. CXVIII, No. 5, November 1965, "The Indo-German Conspiracy : The Sequel", dlm. **The Modern Review**, Vol. CXXI, No. 2, February 1967.

42 Thomas G. Fraser, "Germany and the Indian Revolution, 1914-1918", hlm. 268.

43 T.R Sareen, **Indian Revolutionary Movement Abroad 1905-1921**, hlm. 142.

44 Don Dignan, **The Indian Revolutionary Problem in British Diplomacy, 1914-1919**, hlm. 135.

45 C.O 273/439, "Dudley Ridout, GCO, Singapore to War Office", 8th January 1916.

46 Richard J. Popplewell, **Intelligence and Imperial Defence**, hlm. 261.

47 Beliau dikatakan seorang pemabuk. Lihat **Ibid**, hlm. 262.

48 Lihat nota kaki 34.

49 Richard J. Popplewell, **Intelligence and Imperial Defence**, hlm. 272.